

Headline	Lam Thye lepas jawatan Pengerusi MAA Medicare
MediaTitle	Berita Harian
Date	28 Nov 2015
Language	Malay
Section	Nasional
Color	Full Color
Page No	25



Lam Thye lepas jawatan Pengerusi MAA Medicare

Kuala Lumpur: Selepas 20 tahun berbakti sebagai Ahli Pemegang Amanah, Yayasan Amal MAA Medicare, Tan Sri Lee Lam Thye, semalam, mengambil keputusan untuk bersara.

Sebagai menghargai jasa serta komitmennya membangunkan pusat dialisis di bawah pertubuhan bukan kerajaan, MAA Medicare mendedikasikan sebuah pusat dialisis di Jalan Sungai Besi, atas nama beliau.

Mengulas mengenai pengiktirafan itu, Lam Thye, 70, berkata beliau amat gembira kerana diberi peluang untuk berkhidmat di yayasan berkenaan, sekali gus dapat membantu pesakit melakukan dialisis.

Bantu orang miskin

"Kebanyakan pesakit di sini adalah mereka yang kurang berkemampuan dan kami sedaya upaya membantu mereka membuat dialisis," katanya pada sidang media di Pusat Amal Dialisis MAA Medicare, di sini, semalam.

Beliau berkata, yayasan itu sudah membantu 830 pesakit men-



Lam Thye melawat pesakit buah pinggang di Pusat Dialisis Amal MAA Medicare di Sungai Besi, semalam.

(FOTO ROSELA ISMAIL/BH)

dapatkan rawatan di 12 pusat perkhidmatan dialisis di seluruh negara.

"Pusat dialisis di sini mempunyai 54 pesakit dan 13 mesin dialisis digunakan untuk membantu mereka," katanya sambil menambah sebanyak 33,000 pe-

sakit buah pinggang di seluruh negara perlu menjalani dialisis.

Daripada jumlah itu, katanya, dianggarkan 19,000 orang disenaraikan dalam pesakit yang sedang menunggu pendermaan organ.